



## Kaedah Analisis Fiqh Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli dalam Bab Solat

*Usul Fiqh*

### *The Methods of Legal Analysis by Imam Ibn Hajar And Imam Ramli In The Chapter of Prayer*

22

ZAINUDDIN CHE SEMAN

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bangi Selangor  
zainuddin@kuis.edu.my

Submitted: 6 Julai 2020  
Revised: 20 October 2020  
Accepted: 28 October 2020  
E-Published: 30 October 2020

MUHAMMED YOSEF NITEH

Pusat Matrikulasi  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bangi Selangor  
myosef@kuis.edu.my

#### ABSTRAK

Perbezaan pendapat mengenai hukum fiqh adalah disebabkan perbezaan metode yang diaplikasikan oleh fuqaha ketika menganalisis dalil-dalil hukum. Justeru berlaku ikhtilaf dalam kalangan fuqaha dalam menentukan hukum-hakam dan implikasi ikhtilaf pendapat fuqaha terhadap masyarakat umat Islam. Sebenarnya tidak boleh berlaku kontradiksi pada dalil-dalil hukum kerana hakikat hukum itu adalah daripada sumber yang sama. Untuk menjelaskan kekeliruan itu maka kajian ini akan memfokuskan kepada ikhtilaf yang berlaku di antara dua iaitu Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli di hukum fiqh. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti metode *pentarjihan* hukum yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli ketika menganalisis hukum fiqh dalam bab solat sahaja. Adakah metode analisis hukum yang diaplikasikan oleh mereka sama dengan metode yang aplikasikan oleh Imam Syafi'i? Adakah Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli mempunyai metode tersendiri dalam penganalisisan hukum fiqh? Kajian ini dijalankan berasaskan kajian perpustakaan yang melibatkan metode induktif, diduktif dan komparatif. Hasil kajian didapati mereka berdua tidak mempunyai metode tersendiri, melainkan mereka mengikut metode Imam Syafi'i, namun mereka berbeza pendapat kerana berbeza pandangan dalam memahami dalil-dalil hukum berdasarkan kaedah analisis yang berbeza-beza.

**Kata Kunci:** Perbezaan, Ibnu Hajar, Imam Ramli, Hukum dan Fuqaha





## ABSTRACT

The contradiction of fiqh views is due to the methods variation of the jurists while analyzing the legal texts. Therefore, the dispute (*ikhtilaf*) among the jurists in determining the ruling and its implication towards the Muslim society has occurred. In reality, there is no such contradiction of legal proofs while the rules are obviously retrieved from the same sources. To resolve the confusion, this study shall focus the dispute of views between two scholars namely Imam Ibn Hajar and Imam Ramli in fiqh ruling. The study was conducted in identifying the preference (*tarjih*) method which was adopted by both Imam Ibn Hajar and Imam Ramli while analyzing the legal rules of prayer only. Is the method of legal analysis applied by both scholars similar with Syafii's? Do Imam Ibn Hajar and Imam Ramli have their sole method of legal rules? This study was conducted based on library research that involves inductive, deductive and comparative methods. The result shows both scholars do not have their own method of legal analysis but rather follow the established Syafii's method. In fact, they dispute in accordance with understanding the legal texts based on different methods of analysis

**Kata Kunci:** Dispute (*ikhtilaf*), Ibnu Hajar, Imam Ramli, Ruling (*Hukm*) dan Fuqaha

## PENGENALAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka metode pentarjihan pandangan hukum yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dalam kitab *Tuhfan al- Muhtāj* dan Imam Ramli dalam kitab *Nihāyah al- Muhtāj*. Begitu juga untuk mencapai beberapa objektif yang paling utama iaitu untuk mengenalpasti metode analisis hukum dan pandangan beliau ketika mengistinbat hukum fiqh, serta menghuraikannya. Sejarah fiqh telah mencatatkan ikhtilaf yang ketara di antara Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli. Sebenarnya ikhtilaf di antara Imam Ibnu Hajar dengan Imam Ramli telah maklum di kalangan fuqaha Syafi'iyyah, sehingga muncul kitab berjudul *Fathu al-`Aliy bi Jam`i al-Khilāf Baina Ibnu Hajar Wa al-Ramli* yang membincangkan perbezaan pandangan di antara kedua-dua tokoh tersebut. Justeru itu penulis mengkaji beberapa metode pentarjihan Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli yang termuat dalam karya mereka. Penulis hanya memfokuskan kajian hanya kepada metode pentarjihan pandangan hukum yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli. Terdapat beberapa metode analisis yang digunapakai oleh beliau dalam memberi pandangan berkaitan dengan hukum fiqh (al-Hatami,1996). Begitu juga terdapat beberapa metode analisis yang diaplikasikan oleh Imam Ramli dalam menulis kitab *Nihayah al-Muhtaj* (al-Ramli,1993). Pengkaji dapat merumuskan kepada beberapa metode pentarjihan yang menimbulkan ikhtilaf di antara mereka sebagaimana dalam perbincangan seterusnya.

## METODE PENTARJIHAN HUKUM BAGI IMAM IBNU HAJAR DAN IMAM RAMLI

Setelah kajian dijalankan berdasarkan dua buah kitab iaitu kitab *al-Tuhfah* dan *al-Nihayah* maka didapati beberapa metode yang digunapakai oleh Ibnu Hajar dan Imam Ramli dalam menganalisis hukum fiqh. Pengkaji membahagikannya kepada dua bahagian: pertama metode pentarjihan umum yang diaplikasikan oleh kedua-dua

Imam dalam pentarjihan hukum dan kedua metode pentarjihan khusus iaitu metode yang diaplikasikan oleh mereka secara berasingan. Di sini akan dibincangkan metode-metode tersebut berserta dengan contoh-contohnya.

### **Mengguna Hadis Nabi Dalam Memahami Nas-Nas**

Imam Ibnu Hajar mengharuskan bagi wali merotankan kanak-kanak yang telah genap umur sepuluh tahun jika mereka meninggalkan solat, namun pelaksanaan hukuman rotan tidak boleh mencederakan mereka dan hanya tiga kali pukulan sahaja, sekiranya memudaratkan maka tidak dibenarkan, ini adalah pendapat muktamad bagi Imam Ibnu Hajar (al-Haitami, 1996). Ini berdasarkan kepada hadis sahih, yang diriwayatkan daripada Abu Daud:

(مروا الصبي بالصلاة إذا بلغ سبع سنين، وإذا بلغ عشر سنين فاضربوه عليها) وفي رواية مروا أولادكم

Maksudnya:

Suruhlah kanak-kanak solat setelah sampai umur tujuh tahun, dan hendaklah kamu pukul mereka apabila sampai cukup / genap) sepuluh tahun.

(Sunan Abu Daud. Kitab: al-solat. Bab: Matā yu'mar al-ghulām bi al-Solah: no:494)

### **Mengguna Qias**

Bagi Imam Ibnu Hajar tidak wajib berniat keluar daripada solat kecuali diqiaskan pada satu masalah sahaja, iaitu seseorang yang mengerjakan solat sunat hendak mengurangkan bilangan rakaat yang tidak termasuk dalam niat ketika *takbiratulihram*, maka pada ketika itu wajib ia niat keluar daripada solat tersebut. Namun terdapat juga mereka yang mengatakan bahawa tidak harus bagi seseorang mengurangkan rakaat kerana terikat dengan niat, maka ketika itu terbatal *illah* hukum tersebut, kerana niat untuk mengurangkan rakaat telah terangkum di dalam salam pada *tahiyat* akhir, dan tidak perlu lagi kepada niat keluar daripada solat (al-Haitami, 1996).

### **Mengikut Logik (Akal / Pendapat/ Ijtihad)**

Logik akal ini pula terbahagi kepada teori dan praktikal, justeru ia mengukuhkan lagi nas-nas al-Quran dan Hadis, begitu juga mengguna logik akal dalam perkara-perkara *khilafiyah* (al-Haramain, t.th). Contohnya, Imam Ibnu Hajar menyatakan bahawa memadai bacaan qunut sekiranya diganti dengan mana-mana doa yang warid sahaja, tanpa menentukan mana-mana kalimah doa, bahkan memadai dengan mana-mana ayat yang bermaksud doa atau seumpamanya, seperti ayat yang di akhir surah al-Baqarah dan lain-lainnya, dengan syarat diniatnya doa kerana makruh membaca ayat al-Quran bukan pada tempatnya, tetapi tidak memadai dengan surah *al-Masad*, sebab ayatnya tidak mengandungi maksud doa (al-Haitami, 1996).

## Bersandar Kepada Pendapat Fuqaha

Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli merujuk kepada fuqaha yang sama tetapi berbeza-beza isu-isu, antaranya Imam al-Rafi`ei, Imam Nawawi, Qadi Husein, Syeikh Zakaria al-Ansyari, al-Zarkasyi, al-Isnawi. Contoh bagi Imam Ibnu Hajar jika seseorang itu hilang halangan solat seperti kafir asli, kanak-kanak, haid dan gila di akhir waktu yang membolehkan *takbiratulihram* maka wajib atasnya menunaikan solat pada waktu itu, atau berbaki waktu itu sekadar meluluskan dua rakaat solat qasar bagi orang musafir, mengikut pendapat *al-awjuh* dan pendapat Imam Nawawi (al-Haitami, 1996).

Berbeza dengan Imam Ramli, beliau banyak merujuk kepada fatwa ayahnya.<sup>1</sup> Contohnya isu boleh diganti qunut dengan mana-mana doa, tetapi dengan syarat doa serta puji-pujian. Begitu juga isu sujud atas sesuatu objek yang ditanggung seseorang seperti memakai serban. Pada pendapat Imam Ramli tidak memadai sama sekali sujud beralaskan serban, namun pada pendapat beliau jika seseorang sujud atas sesuatu yang bergerak atau tidak bergerak dengan pergerakannya, maka sujud itu tidak memadai serta memudaratkan solat, ini berdasarkan fatwa ayah beliau (al-Isnawi, 1970).

Fuqaha yang menjadi sandaran hukum oleh kedua-dua dapat dibahagikan kepada tiga kategori sebagaimana berikut:

a) Fuqaha yang disepakati Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli:

1. Al-Rafi`ei
2. Al-Nawawi
3. Al-Ansari
4. Al-Zarkasyi
5. Al-Isnawi
6. Qadi Husein

b) Fuqaha yang menjadi rujukan Imam Ibnu Hajar:

1. Al-Qadi Husien@ al-Maruzi/al-Marwarruzi@ (000-426H) Kharasan.
2. Al -Juwaini, al-Haramain Naisaburi (419-478H)
3. Al -Baghawi, Banghsur, Iran (436-516H) bersamaan (1044-1122M)
4. Al Mutawalli Naisaburi (427-478H)
5. Al -Ghazali al-Tusi, Iran (450-505M) bersamaan (1058-1111M)
6. Al -Bazari Samarqandi (471-560H)
7. Al -Sam`ani Murushahjan (502-562H)
8. Al -Rafi`i @ al-Qazwini (557-623H) Asbahan, Iran.
9. Al -Nawawi (631-767H) Damascus, syiria
10. Al -Isnawi (704-772H)
11. Al -Azra`i Halabi, Syam, Damascus (706-783H)
12. Al -Zarkasyi (745-794H)

---

<sup>1</sup> Syihabuddin al-Ramli Ahmad Bin Hamzah al-Ansari al-Ramli al-Syafi`i, meninggal dunia pada tahun 957H bersamaan 1550M. Dilahirkan di Ramlah Mesir. Kitab beliau ialah "*Fathu Jawwad bi Syar Manzumah Ibnu `Imad*" dan "*Fatawa al-Ramli*" yang disusun oleh anaknya Syamsuddin al-Ramli. Lihat "*Tabaqat al-Syafiyyah*", Tahqiq Abdullah al-Baghdadi.



13. Al -Ansari (823-926H)

c) Fuqaha yang menjadi rujukan Imam Ramli:

1. Ibnu Munzir, Naisaburi (242-319H) (856-930M)
2. Ibnu Solah Kurdistan, Iraq / Damascus, Syria (577- 643H) (1181-1245M).
3. Al-Qaffal Tashkent, Uzbekistan (291-365H) (904-976M)
4. Al-Khawarizmi al-Baqhdadi-(164-232H) (781-850M)
5. Al-Mahamili Abu Hasan al-Baghdadi (978) (377H) t.w
6. Al-khatib al-Syarbini (977 H)
7. Al-Faruqi al-Qarrafi (684H)
8. Al-Ramli Syihabuddin

### **Berpegang Kepada Pendapat *Auwjuh*, *Al-Auwla* dan *Al-Mu`Tamad***

Imam Ibnu Hajar mewajibkan mereka yang baru memeluk Islam belajar cara *takbiratulihram* ketika mula memeluk agama Islam dan yang asal Islam ketika *mumayyiz*, termasuk rukun *qauli* lain, ini pendapat *al-auwjuh* (al-Haitami, 1996). Tetapi bagi Imam Ramli tidak wajib niat fardu bagi kanak-kanak, ini adalah pendapat *al-auwla* serta *mentarjihkan* bahawa kanak-kanak tidak wajib mengulangi solat kerana telah memadai, walaupun tidak berniat fardu, kerana dia telah menunaikan kewajipan solat dengan sempurna di dalam waktunya (al-Ramli, 1993).

### **METODE PENTARJIHAN HUKUM BAGI IMAM IBNU HAJAR**

*Pentarjihan* hukum fiqh Imam Ibnu Hajar pula merujuk kepada fuqaha selain daripada fuqaha yang disepakati oleh mereka. Namun setiap daripada mereka mempunyai ikutan masing-masing. Mereka juga merujuk kepada fuqaha yang berbeza-beza, oleh sebab itu pandangan mereka pun berbeza kerana terikat dengan pandangan fuqaha yang menjadi rujukan mereka.

### **METODE PENTARJIHAN HUKUM BAGI IMAM RAMLI**

Dalam *pentarjihan* hukum, Imam Ramli merujuk kepada fuqaha selain daripada fuqaha yang disepakati oleh mereka, namun mereka juga merujuk kepada fuqaha berbeza-beza untuk *mentarjih* hukum fiqh, justeru pandangan mereka pun berbeza-beza kerana terikat dengan pandangan fuqaha masing-masing. Imam Ramli berbeza dengan Imam Ibnu Hajar, yang mana beliau banyak merujuk masalah kepada fatwa ayahnya.


### **RUMUSAN METODE PENTARJIHAN HUKUM**

Setelah kajian dilakukan maka didapati dalam kitab *Tuhfah al-Muhtāj* beberapa metode yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dalam menganalisis pandangan hukum yang berkaitan dengan isu-isu di dalam bab sifat solat, seperti isu-isu yang berkaitan dengan syarat, rukun dan sunat solat,. Penulis telah mengklasifikasikan metode

pentarjihan hukum mengikut tema-tema yang telah dibincangkan, iaitu hadis, qias, ijthad, dan bersandar kepada pendapat fuqaha.

Dapat dirumuskan secara umum, peratus metode analisis pandangan hukum yang digunapakai oleh Iman Ibnu Hajar ketika mentarjihkan pandangan hukum yang berkait dengan sifat solat adalah sebagaimana dalam rajah berikut:

Rajah 1: Metode Pentarjihan Hukum Imam Ibnu Hajar Berkaitan Sifat Solat




(Sumber: Pengkaji, 2020)

Beliau merujuk kepada hadis 16 peratus, qias 6 peratus, ijthad 9 peratus. al-Nawawi 25 peratus, al-Ansari 11 peratus, muktamad 2 peratus, al-Ashab 4 peratus, al-Auwjuh 4 peratus, al-Baghawi 5 peratus, al-Rafii 5 peratus, al-Azrai 5 peratus, dan fuqaha 8 peratus. Penulis dapat merumuskan bahawa metode yang digunapakai oleh Imam Ibnu Hajar adalah jelas dan menjadi ikutan kepada fuqaha selepas beliau dalam menghuraikan pandangan hukum khususnya dalam bab sifat solat.

Begitu juga dalam kitab *Nihāyah al-Muhtāj*, beberapa metode analisis hukum yang telah digunapakai oleh Imam Ramli ketika mentarjih pandangan hukum yang berkait dengan isu-isu dalam bab sifat solat, seperti isu-isu yang berkait dengan syarat-syarat solat dan rukun-rukunnya dikaji oleh penulis. Sehubungan itu ia dapat dirumuskan kepada empat bahagian asas iaitu hadis, qias, ijthad dan bersandar kepada pendapat fuqaha. Imam Ramli banyak dipengaruhi oleh pendapat ayahnya kerana beliau secara langsung telah menyusun fatwa-fatwa yang diputuskan oleh ayahnya. Oleh sebab itu beliau amat terkesan dengan pandangan atau fatwa-fatwa ayahnya, lebih-lebih lagi beliau banyak berguru dengannya.

Secara umum peratus metode analisis pandangan hukum yang digunapakai oleh Imam Ramli ketika *mentarjihkan* pandangan hukum yang berkaitan dengan sifat solat dapat dirumuskan sebagaimana dalam rajah berikut:

Rajah 2: Metode *Pentarjihkan* Hukum Imam Ramli Berkaitan Sifat Solat



(Sumber: Pengkaji, 2020)

Sehubungan dengan itu pengkaji merumuskan hasil kajian daripada analisis metode yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar ialah 5 peratus kepada hadis, qias 6 peratus, *al-Auwjuh* 5 peratus, *al-Umm* 3 peratus, *al-Syihab* *al-Ramli* 33 peratus, *al-Muktamad* 2 peratus, *al-Nawawi* 13 peratus, *al-Ansari* 8 peratus, *al-Isnawi* 3 peratus, *al-Zarkasyi* 6 peratus, , Ibnu *al-Munzir* 6 peratus, *al-Rafii* 5 peratus, dan *fuqaha* 7 peratus. Penulis dapat merumuskan bahawa metode yang digunapakai oleh Imam Ibnu hajar adalah jelas dan menjadi ikutan juga kepada *fuqaha* selepas beliau dalam menghuraikan pandangan hukum khususnya dalam bab sifat solat.

## KESIMPULAN

Dapatan hasil kajian daripada kitab *Tuhfah al- Muhtāj* dan *Nihāyah al-Muhtāj* didapati bahawa metode *pentarjihkan* hukum adalah berbeza pada zahirnya tetapi setelah dikategorikan berasaskan sumber-sumber hukum, sebenarnya ia adalah sama, kedua-duanya merujuk kepada hadis, qias, *ijtihad* serta bersandar kepada pendapat *fuqaha*. Namun setelah pengkaji membaca dan membuat perbandingan di antara *Tuhfah* dan *Nihāyah*, didapati isi kandungan *Nihāyah* sama dengan *Tuhfah* kecuali dalam *pentarjihkan* beberapa masalah yang telah dibincangkan di dalam kajian ini. Ini terbukti hasil daripada pembacaan secara menyeluruh kitab *Tuhfah* dan *Nihāyah*, khususnya



dalam bab solat, boleh dikatakan sekiranya sudah memiliki kitab *al-Tuhfah* sudah memadai tanpa *al-Nihāyah*.

Maka dapatan dalam kajian ini menunjukkan bahawa tidak berlaku perbezaan metode *pentarjihan* hukum secara umum tetapi hanya berlaku perbezaan dalam *pentarjihan* isu yang sama sebagai contoh isu tersalah niat bilangan rakaat ketika niat solat, pada pendapat Ibnu Hajar tidak membatalkan solat, beliau bersandarkan pendapat al-Ansari, al-Rafi'i dan al-Isnawi. Sebaliknya Imam Ramli mengatakan perkara tersebut membatalkan solat iaitu memudaratkan solat bersandarkan kepada pendapat al-Nawawi dalam kitab *al-Majmu'* dan fatwa bapanya. Sebenarnya mereka tidak iktilaf pada metode *pentarjihan* tetapi mereka ikhtaf pada analisis isu-isu yang sama berdasarkan metode *pentarjihan*.

## RUJUKAN

- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1999. *Al-Asybah wa al-Nadhair*. Jil. 3 Beirut-Libanon: Muassasah al-Kutub al-Tsaqofiyah.
- Al-Syafie, Muhammad Bin Idris. *Al-Risalah*. 1990. Ed. Ahmad Muhammad Syakir. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Zaidan, Abdul Karim. 1999. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zarqa, Ahmad Bin Muhammad. 1409/1989. *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Abdul Hamid. (t.t). *Hasyiah Tuhfah al-Muhtaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.
- Abu Ishaq. 1995. *al-Luma` Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Abu Zahrah. (t.t). *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Darul Fikr al-Arabi.
- Al-Ansari. (t.t). *Asna al-Matalib Syarh Raudu al-Talibin*. Penerbit Darul al-Kutub al-Islami.
- Al-Asyqar. 1997. *Al-Wadih Fi Usul al-Fiqh*. Amman, Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Asyqar. 2003. *al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Barzanji. 1993. *al-Ta`arud Wa al-Tarjih Baina Adillah al-Syariyyah*. Bairut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Ghazali. 2000. *al-Mustasfa fi `ilmi al-Usul*. Beirut: Darul kutub al-`ilmiyyah.
- Al-Hafnawi. 2007. *al-Fath al-Mubin Fi Ta`rif Mustalahat al-Fuqaha Wa al-Usuliyyin*. Qahirah: Dar al-Salam.





Al-Haitami. 2005. *al-Durrul al-Mandhud Fi al-Salat Wa Salam `Ala Sahib al-Maqam al-Mahmud*. Jeddah: Darul Minhaj.

Al-Haitami. 2005. *Fathu al-Jawwad Fi Sarh al-Irsyad `Ala Matni al-Irsyad* . Bairut, Lubnan: Darul Kutub Ilmiyyah.

Al-Haitami. 1996. *Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Bairut, Lunan: Darul Kutub Ilmiyyah.

Al-Haitami. 1987. *Al-Manhaj al-Qawim `Ala Al-Muddimah Al-Hadharamuyyah Fi Fiqh Al-Safi`i*,. Bairut,,: Darul Faiha` .

Al-Hamid. (t.t). *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.

Al-Isnawi. 1970. *Tabaqat al-Syafiyyah, Tahqiq Abdullah al-Baghdadi*. Iraq: Ri`asah Diwan al-Auqaf.

Al-Isnawi. 1987. *Al-Tamhid Fi Takhrij al-Furu` `Ala al-Usul*. Bairut, Lubnan.: Mua`assah al-Risalah.

Al-Khin. 1972. *Athar Ikhtilaf al-Qawaid al-Usuliyah Fi Ikhtilaf al-Fuqaha*. Bairut: Mu`assah al-Risalah.

Al-Mardawi. (t.t). *Al-Insaf Fi Ma`rifat al-Rajih Min al-khilaf Lil Mardawi*. Damascus: Dar Ihya` Turath al-`Arabi.

Al-Qawasimi, Dr Akram. 2003. *al-Madkhal ila al-Imam al-Syafii*. Jordan: Darul Nafais.

Al-Ramli. 1993. *Nihayah al-Muhtaj Ila Syar al-Minhaj*. Mesir: Maktabah wa Matba`ah.

Al-Saifi. 2016. *Nafais al-Durr Fi Tarjamah Syeikh al-Islam Ibnu Hajar*. Amman, al-Urdun: Darul Fath.

Al-Syirwani. (t.t). *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.

Al-Zarqa`. 1996. *Syarah al-Qawaud al-Fiqhiyyah*. Damascus: Darul Qalam.

Al-Zuhaili Muhammad. 1999. *Asbab Ikhtilaf al-Fuqaha*. Damascus: Darul Maktabi.

Al-Zuhaili Wahbah 1998. *Asbab Ikhtilaf Wajhat al-Nazhar al-Fiqhiyyah*. Damascus: Darul Maktabi.